



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL

TIMBALAN PERDANA MENTERI

MERANGKAP

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PEMBANGUNAN
KEUSAHAWANAN WANITA PLUS**

**DI R&R DENGKIL (ARAH SELATAN)
PADA 4 MAC 2019**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(SALUTASI)

PENDAHULUAN

1. Terima Kasih kepada PLUS Malaysia Berhad kerana mengambil inisiatif mengadakan Program Keusahawanan Wanita atau *Women Entrepreneurship Programme (WEP)*.

Saya berharap lebih banyak program seperti ini diperkenalkan untuk memberi peluang kepada wanita dalam bidang keusahawanan.

SUMBANGAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

2. Kerajaan menyedari bahawa kesaksamaan gender dan pemberdayaan wanita akan memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi dan mendorong Malaysia ke arah matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

3. Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah tulang belakang ekonomi Malaysia, dengan kira-kira 99% perniagaan di negara yang berada di dalam kategori PKS. Daripada jumlah tersebut, sekitar 20% perniagaan dimiliki, dikendalikan atau dikelolakan oleh wanita.

Oleh itu, hanya dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam PKS kita boleh membawa pertumbuhan yang ketara dalam ekonomi kita.

4. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak PLUS melalui 33 kawasan R&R ini menyediakan banyak peluang untuk rakyat bermiaga dan memasarkan produk mereka terus kepada pelanggan lebuhraya.

Sehingga kini, terdapat 201 orang atau (46%) peniaga adalah wanita dan 7% daripadanya adalah merupakan ibu tunggal.

5. Pada hari ini, satu lagi program berkonsepkan keusahawanan yang bakal memberi manfaat kepada wanita akan dilancarkan.

Program Keusahawanan Wanita (WEP) oleh PLUS ini adalah selaras dengan hasrat KPWKM iaitu memberi fokus terhadap memperkasakan wanita di dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan ekonomi.

6. Program WEP ini adalah merupakan program pembangunan usahawan wanita yang dijalankan bagi tempoh 2 tahun dengan bimbingan dan latihan serta pemantauan berkala yang akan diberikan oleh PLUS Malaysia Berhad.

Penyertaan peserta adalah terbuka kepada wanita yang menetap di sekitar Lebuhraya PLUS dan diberikan peluang perniagaan di kawasan R&R dengan tidak dikenakan bayaran sewaan.

SAMBUTAN HARI WANITA

7. Program ini adalah bertepatan dengan Sambutan Hari Wanita yang disambut pada 8 Mac 2019. Sambutan Hari Wanita ini diraikan oleh hampir kesemua negara di seluruh dunia dengan pelbagai pengisian program bertujuan untuk meraikan wanita dan memperjuangkan agenda wanita.
8. Tema sambutan Hari Wanita pada tahun ini adalah “***Balance for Better***” atau “**Seimbang untuk Sejahtera**”. Tema ini dilihat selaras dengan fokus kementerian bagi tahun 2019 yang akan memberikan penekanan kepada usaha dan penekanan kepada inisiatif untuk mengarusperdanakan kesaksamaan gender.

PEMBANGUNAN KAPASITI WANITA

9. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus komited dalam memperkasakan golongan wanita dengan kemahiran dan kompetensi yang relevan.

10. Justeru, program yang ditawarkan oleh PLUS, dengan kerjasama strategik bersama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), KPWKM ini bertepatan dengan usaha untuk memberi manfaat kepada wanita terutamanya golongan ibu tunggal yang tinggal berhampiran dengan kawasan lebuhraya bagi merebut peluang menceburi bidang keusahawanan ini.

11. Usaha PLUS ini membuktikan pihak swasta juga boleh memainkan peranan mereka memajukan masyarakat dan tidak hanya bergantung kepada program-program atau bantuan daripada pihak Kerajaan sahaja.

Inilah yang dinamakan sebagai “*Giving back to society*”.

12. Inisiatif PLUS ini seharusnya dilihat sebagai contoh bagaimana pihak swasta dan syarikat-syarikat korporat lain boleh membantu pihak kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada PLUS.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian.

13. *Platform atau peluang yang disediakan oleh PLUS ini bukan bermaksud mereka yang dipilih boleh terus berpeluk tubuh dan tidak mengambil inisiatif lain untuk memajukan perniagaan mereka.*

Harus diingat, tiada ‘*Magic pill*’ yang boleh menjadikan anda terus berjaya di dalam bidang perniagaan.

14. *There is no shortcut to success.*

Wanita yang ingin Berjaya perlu memiliki kesabaran yang tinggi, kesanggupan untuk berkorban dan memiliki disiplin yang tinggi.

15. Kerjasama strategik antara pihak kerajaan dan PLUS ini menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi golongan wanita.

Selain itu, saya berkeyakinan terhadap keupayaan PLUS untuk melahirkan generasi usahawan yang baru dengan penglibatan yang lebih ramai wanita yang turut memainkan peranan yang amat penting dalam memajukan negara kita.

16. Akhir kata, saya dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya dengan sukacitanya melancarkan Program Keusahawanan Wanita PLUS pada hari ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum
Warah Matullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima Kasih.